

## ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar: Utusan Malaysia (Segmen Utusan Kota)

Tarikh : 7 September 2016 (Rabu)

Mukasurat : 33

### UTUSAN KOTA 33

## 4.2 juta naskhah bahan bacaan baharu

**KUALA LUMPUR 6 Sept.** - Perpustakaan Negara telah menambah 4.2 juta naskhah bahan bacaan baharu pada tahun ini dalam usaha meningkatkan jumlah pengunjung.

Ketua Pengarahnya, Nafisah Ahmad berkata, pada tahun ini pihaknya memperoleh peruntukan sebanyak RM3.5 juta yang dikhaskan untuk membeli bahan bacaan termasuk bahan bercetak, tidak bercetak dan digital.

"Bahan bacaan perlu ditambah setiap tahun agar pengunjung tidak bosan. Kita mahu pengunjung mendapat bahan bacaan segar dan terkini, namun menghadapi masalah mendapatkan bahan bacaan berkaitan biografi dan pertahanan.

"Kekurangan penulis dalam bidang itu menyebabkan bahan bacaannya sukar diperolehi. Saya harap lebih ramai penulis mengambil peluang untuk menulis berkaitan modul tersebut," katanya ketika ditemui dalam Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Program Singgah Santai di Perpustakaan Negara, di



**AB. GHAFFAR A. TAMB**i membuka pintu sangkar burung sambil diperhatikan Nafisah Ahmad (kiri) dalam gimik pelancaran Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Program Singgah Santai di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/ZAINI HUSIN

sini baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi.

Nafisah berkata, setakat tahun lalu terdapat 4.73 juta buku di Perpustakaan Negara iaitu 4.5 juta bahan bercetak, 98,406 bahan tidak bercetak, 158,316 bahan digital serta 4,974 manuskrip.